

Kriteria Keperibadian Manusia Menurut Perspektif al-Quran: Suatu Sorotan Literatur

Zainora Daud (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 0192623681 E-Mail: zainora@usim.edu.my

Anuar Hasin
Norazman Alias

Abstrak

Manusia merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang paling mulia dimartabatkan dalam al-Quran. Allah SWT telah melantik manusia sebagai khalifah untuk memimpin bumi ini. Lantaran itu, seiring dengan tanggungjawab yang diamanahkan, manusia dikurniakan dengan pelbagai kelebihan dan anugerah nikmat Allah SWT sebagai fasiliti untuk mengemban tanggungjawab tersebut. Namun begitu, manusia juga dibekalkan pilihan dalam mencari keampunan dan keredhaan Allah SWT dengan segala cabaran dan ujian yang perlu dihadapi dalam kehidupan duniawi. Ini kerana setiap kebaikan dan keburukan itu merupakan satu mehnah yang diuji kepada manusia sebagai penentuan tahap keimanan dan parameter nilai kesyukuran yang dimiliki oleh para hambaNya tentang keagungan dan keesaan Allah SWT. Sehubungan itu, objektif kajian ini ialah untuk meninjau kriteria keperibadian manusia menurut perspektif al-Quran. Metodologi kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang mengklasifikasikan pelbagai kriteria keperibadian manusia supaya menjadi panduan dan bimbingan kepada kita dalam memperoleh hasanah di dunia dan hasanah di akhirat. Kesimpulannya manusia dianugerahkan dengan pelbagai nikmat seperti akal fikiran, pancaindera dan perasan serta nafsu yang mampu membentuk manusia sebagai insan *aflah* di dunia dan akhirat, Bahkan mampu mengimbangi diri mereka antara tabiat negatif dan tabiat positif dalam melahirkan insan yang beriman.

Kata Kunci : Kriteria, Keperibadian, Manusia, al-Quran

Pengenalan

Manusia merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang dianugerahkan dengan pelbagai keistimewaannya yang tersendiri berbanding dengan makhluk ciptaanNya yang lain, Ini sejajar dengan firman Allah SWT dalam surah ayat al-Tin:

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan

berkelengkapan sesuai dengan keadaannya) (Al-Quran 95:4).

Bahkan proses kejadian manusia juga turut digarapkan dalam ayat-ayat al-Quran yang bermula daripada tanah sehingga terbentuk air mani, segumpal darah, seketul daging sehingga lahirnya kesempurnaan dalam penciptaannya sebagai manusia.

Lantaran itu, keunikan dan keajaiban proses kejadian manusia yang dipotretkan dalam firman Allah membuktikan keagungan dan kebesaran Allah SWT sebagai *Khaliq* sebagaimana firman Allah dalam surah al-Mukminun ayat 13 hingga ayat 14.

Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh. (13) Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk ia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. (Al-Quran 23:13-14)

Bahkan Allah SWT turut mengangkat serta meninggikan darjat manusia sebagai makhluk ciptaanNya yang paling mulia berbanding dengan makhluk lain sebagaimana dalam firman Allah surah al-Isra' ayat 17.

Ini jelas menunjukkan bahawa kemuliaan manusia boleh dilihat melalui kesempurnaan ciptaannya yang telah dianugerahkan Allah dalam bentuk akal fikiran. Malahan seiring dengan peranan dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya untuk menunaikan segala hak-haknya dengan Allah SWT.

Manusia Menurut Perspektif Al-Quran

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, keperibadian bermaksud perihal peribadi sifat (watak atau ciri-ciri dan sebagainya) yang khusus kepada seseorang, bangsa dan sebagainya. Manakala manusia ialah makhluk yang mempunyai akal budi (Kamus Dewan, 2017). Ini jelas menunjukkan bahawa setiap manusia dilatari dengan kepelbagaian keperibadian yang membentuk jati dirinya sebagai muslim.

Al-Quran telah mengungkapkan kalimah manusia dengan pelbagai bentuk perkataan iaitu kalimah *al-Nas* sebanyak 241 kali dalam 55 surah, kalimah *al-Insan* sebanyak 65 kali dalam 43 surah, kalimah *al-Ins* sebanyak 18 kali dalam 9 surah, kalimah *al-Basyar* sebanyak 38 kali dalam 26 surah, kalimah *Bani Adam* sebanyak 7 kali dalam 4 surat, sedangkan *Dzurriyatu Adam* disebutkan hanya sekali dalam surah Maryam ayat 58 dan kalimah *khalifah* sebanyak 2 kali dalam 2 surah atau *khalaiif* sebanyak 4 kali dalam 3 surah (al-Baqi, 1987).

Menurut Ibn Manzur bahawa kalimah *al-Insan* dari aspek bahasa merujuk kepada tiga akar kata iaitu *anasa*, *annasa* serta *nasiya*. Dari aspek pengertian *anasa* pula merangkumi tiga pengertian

iaitu *absara* iaitu melihat atau berfikir, *'alima* iaitu mengetahui dan berilmu dan *ista'zana* iaitu meminta izin. Ini menunjukkan bahawa *al-Insan* iaitu makhluk yang mempunyai kemampuan untuk melihat serta berfikir, makhluk yang berilmu dan beradab (Ibn Manzur, 1988).

Allah SWT menyebut tentang manusia dalam al-Quran dengan beberapa aspek iaitu:

1. Kejadian dan tugas manusia
2. Manusia sebagai makhluk yang mempunyai akal fikiran dan perasaan
3. Manusia sebagai makhluk beragama (Muh.Anis, 2008)

Al-Zuhaili (2003) telah membahagikan manusia kepada tiga kategori dalam aspek akidah dalam pentafsiran surah al-Baqarah dengan dimulai dengan golongan bertakwa, golongan kafir dan golongan munafik bertunjangan ciri-ciri yang dijelaskan dalam al-Quran sehingga mengakibatkan dua dimensi pengakhiran mengikut amalan dan perbuatan masing-masing.

Sehubungan itu, kertas kerja ini hanya meninjau kriteria keperibadian manusia yang diungkapkan dalam al-Quran yang menjadi kebiasaan atau kelaziman sikap mereka.

Kriteria Keperibadian Manusia Menurut Perspektif al-Quran

Al-Quran membentangkan pelbagai kriteria yang melakari keperibadian setiap manusia. Namun kertas kerja ini hanya memfokuskan kepada tujuh kriteria sahaja iaitu:

Sikap Lemah

Realitinya manusia diciptakan dalam keadaan lemah. Ini jelas dbuktikan dalam al-Quran sebagaimana perkataan *dhaif* dalam surah al-Nisa' merujuk kepada keinginannya dan hawa nafsunya dalam keadaan tidak sabar terhadap wanita (al-Qurtubi, 2007), tidak mampu mengalahkan hawa nafsu dan tidak mampu menanggung beban ketaatan yang sangat berat (Tilai, 2011) dan al-Jalalayn (t.t) juga menjelaskan bahawa telah dipermudahkan hukum-hukum syarak kerana manusia tidak dapat menahan sabar ke atas perempuan dan nafsu syahwat.

Maksudnya: *Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumnya) daripada kamu, kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah.* (Al-Quran 4:28)

Menurut Mujahid dan lain-lain bahawa Allah SWT hendak memberikan keringanan dalam syariat, perintah, larangan dan ketentuannya bagi kalian. Lantaran itu diperbolehkan menikahi hamba wanita dengan beberapa syarat (Ibn Kathir, 2014) tatkala Allah SWT mengetahui kelemahan untuk bersabar dengan wanita, lantas diberikan rukhsah untuk menikahi hamba (Al-Qurtubi, 2007). Ayat ini mengharuskan mereka berkahwin dengan hamba sahaya mereka disebabkan keadaan yang dharurat. Allah SWT telah memberi kelonggaran kepada mereka disebabkan keinginan hawa nafsu mereka khususnya dalam isu perempuan kerana mereka dalam situasi lemah dalam melawan hawa nafsu mereka (al-Zuhaili, 2003).

Allah SWT Maha Luas Rahmat dan nikmatNya dengan menyediakan pelbagai fasiliti yang terbaik kepada para hambaNya dan Allah SWT Maha Mengetahui akan setiap kelemahan para hambaNya yang memiliki hawa nafsu serta keinginan yang cenderung kepada perkara-perkara duniawi sebagaimana firman Allah SWT:

Maksudnya: Dhiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: Kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga). (Al-Quran 3:14)

Ibnu al-Qayyim (2003) menyatakan sifat *lawwamah* dalam surah al-Qiyamah menunjukkan bahawa manusia merupakan makhluk Allah SWT yang sentiasa berbolak balik dan berubah setiap detik di mana adakala manusia akan berfikiran positif dan berfikiran negatif.

Kesimpulannya manusia telah diciptakan oleh Allah SWT dalam berkeadaan lemah kerana manusia dihiasi dengan hawa nafsu dan jiwa yang sangat sensitif dengan pelbagai keinginan yang tinggi, mendorong serta mendesaknya agar mencari segala nikmat dan keseronokan duniawi tetapi manusia juga dianugerahkan akal fikiran yang sangat berguna sehingga dimartabatkan dengan makhluk yang paling mulia.

Sikap Zalim dan Kufur

Sifat zalim dan kufur dikaitkan dengan segala nikmat pemberian Allah SWT kepada manusia. Al-Qurtubi (2007) menjelaskan bahawa sesungguhnya Allah SWT telah mengurniakan segala sesuatu kepada kamu sama ada yang dimohon dan ada pendapat yang tidak dimohon juga seperti nikmat matahari, bulan dan lain-lain dan nikmat-nikmat Allah SWT yang sangat banyak dan luas sehingga tidak mampu dihitung satu persatu seperti nikmat pendengaran, nikmat penglihatan, nikmat kesihatan serta rezeki lain. Maka tidak sepatutnya segala kurnian nikmat Allah SWT dibalas dengan kekafiran tetapi sepatutnya dengan mentaati kepada Allah SWT.

Dan Dia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya. (Al-Quran 14:34)

Ibn Jarir berkata bahawa: “*Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Pengampun ketika kamu kurang mensyukuri sebahagian nikmat-nikmatNya, akan tetapi jika kamu bertaubat, kembali mantaatiNya dan mengikut keredhaanNya, nescaya Dia Maha Penyayang kepadamu, tidak menyeksamu setelah kamu kembali dan bertaubat*” (Ibn Kathir, 2014).

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا فَرَّغَ مِنْ طَعَامِهِ - وَقَالَ مَرَّةً: إِذَا رَفَعَ مَائِدَتَهُ - قَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي كَفَانَا وَأَرْوَانَا، غَيْرَ مَكْفِيٍّ وَلَا مَكْفُورٍ. وَقَالَ مَرَّةً: الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّنَا، غَيْرَ مَكْفِيٍّ وَلَا مُودَعٍ وَلَا مُسْتَعْنَى، رَبَّنَا.

Sesungguhnya Nabi SAW apabila selesai makan – pada satu kali beliau berkata “apabila mengangkat hidangan makanan” – maka baginda membacakan “Segala puji bagi Allah yang telah mencukupkan kami dan memuaskan kami, tanpa merasa cukup dan tidak memungkir. Pada waktu yang lain, baginda membaca, “Segala puji bagi Allah Tuhan kami, tanpa merasa cukup dan tidak meninggalkan, serta tidak pernah merasa tidak perlu kepada Tuhan kami. (Sahih al-Bukhari. Kitab al-Aṭ’imah, Bab Mā Yaquḥ Izā Faraqa Min Ṭa’āmihi, no. Hadith 5459)

Al-Zuhaili (2003) juga menegaskan dalam ayat 18, surah al-Nahl bahawa penyembahan dan ketaatan kepada Allah yang Maha Esa dan Allah yang Maha Pemberi nikmat serta Maha Agung melalui bukti limpahan nikmatNya yang melimpah ruah tidak terkira banyaknya. Pasti tidak terjangkau dek akal berkemampuan untuk mengetahui jumlahnya. Allah SWT juga merakamkan keampunanNya terhadap kelalaian para hambaNya dalam mensyukuri segala nikmatNya. Allah SWT juga Maha Penyayang dengan tetap menganugerahkan nikmatNya kepada manusia walaupun pada hakikatnya tidak layak menerimanya. Sekiranya Allah SWT meminta hambaNya untuk mensyukuri segala nikmatNya, pasti tidak akan mampu manusia melakukannya.

Dan jika kamu menghitung nikmat Allah (yang dilimpahkannya kepada kamu), tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Al-Quran, 16:18)

Bahkan perkataan zalim ini juga digandingkan dengan kalimah jahil sepertimana dalam surah al-Ahzab:

Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan. (Al-Quran 33:72)

Firman Allah dalam surah al-Ahzab di atas dalam bentuk perumpamaan majaz mursal dan amthal dalam bentuk langit, bumi dan gunung dengan beberapa definisi:

- 1) Allah SWT menawarkan pentaklifan dalam bentuk amalan fardhu dan ketaatan kepada

langit, bumi dan gunung;

- 2) Walaupun gambaran betapa gagah dan kuatnya langit, bumi dan gunung mereka tetap menolaknya kerana tidak berani memikul tanggungjawab yang berat itu.
- 3) Hassan dan lain-lainnya berpendapat bahawa penolakan dibuat disebabkan mereka berasa takut dan tidak sanggup menanggung amanah yang berat tetapi hanya mahu menjadi golongan yang taat dan patuh dengan segala perintah tanpa mengharapkan sebarang ancaman hukuman.
- 4) Ini disokong oleh Qaffal dan lain-lain bahawa ini hanya merupakan tamsilan atau perumpamaan dalam menitipkan betapa berat tanggungjawab dan kewajipan syariat di dalamnya terdapat pahala dan hukuman (Al-Zuhaili:2003).

Sikap Terburu-buru

Al-Qurtubi (2007) menjelaskan bahawa itu adalah doa keburukan seseorang untuk dirinya sendiri dan anak-anaknya ketika dalam keadaan keluh kesah dengan sesuatu yang tidak diharapkan untuk dikabulkan : “Ya Allah binasakan dia dan semacamnya”. Sekiranya Allah SWT mengabulkan doanya maka akan binasalah dia akan tetapi dengan kurniaanNya, Allah tidak mengabulkan doanya. Ini menunjukkan tabiat manusia yang tergesa-gesa dalam meminta sesuatu keburukan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra’:

Dan manusia berdoa dengan (memohon supaya dia ditimpa) kejahatan sebagaimana dia berdoa dengan memohon kebaikan dan sememangnya manusia itu (bertabiat) terburu-buru. (Al-Quran 17:11)

Hakikatnya manusia tidak mengetahui akibat setiap permasalahan. Apabila manusia tidak menggunakan al-Quran sebagai pertunjuk dan sering terpengaruh dengan hawa nafsu yang bersifat terburu-buru sehingga tidak tahu apa yang sebenarnya mendatangkan kemanfaatan dan kemudharatan kepada diri mereka sendiri sehingga tidak mampu menahan hawa nafsu sekali pun mendatangkan kesan buruk kepadanya. Lantaran itu, dia tetap melakukan sesuatu perbuatan itu meski pun ia adalah perbuatan buruk. Keinginan untuk bersegera agar sesuatu keburukan itu terjadi pada dirinya dalam keadaan ia sendiri tidak menyedari dan mengetahuinya dan tidak mampu mengendalikannya (Qutb, 2005). Bahkan manusia juga suka meminta dirinya dan keluarganya dengan keburukan tanpa melihat terlebih dahulu kesan serta akibat yang bakal berlaku (Jalalyn, 1999 2005).

Ibnu Kathir (2014) juga menerangkan dalam surah Yunus tentang pemberitahuan Allah SWT berkaitan sikap manusia yang suka terburu-buru dalam membuat tindakan dengan meminta doa supaya dirinya, anak-anaknya serta hartanya dengan keburukan. Allah SWT menjelaskan sifat kemurahanNya dan kelembutanNya bahawa Allah tidak akan mengabulkan doa mereka yang berdoa untuk kesusahan jiwa, harta dan anak mereka sendiri di kala mereka dihipit perasan marah atau bosan. Bahkan Allah SWT Maha Mengetahui bahawa mereka sendiri tidak

bermaksud sedemikian. Jika Allah SWT memenuhi permintaan mereka atas kematian diri mereka sendiri, pasti Allah akan mematikan mereka.

Dan kalau Allah menyegerakan bagi manusia azab sengsara yang mereka minta disegerakan, sebagaimana mereka minta disegerakan nikmat kesenangan, nescaya binasalah mereka dan selesailah ajal mereka. Oleh itu, (Kami tidak menyegerakan azab yang dimintanya), Kami biarkan orang-orang yang tidak menaruh ingatan menemui Kami itu meraba-raba dalam kesesatannya. (Al-Quran 10:11)

Sikap Suka Berbantah

Merujuk penafsiran Ibnu Kathir (2014) dalam firman Allah SWT dalam surah al-Kahfi bahawa Allah SWT telah memperincikan kepada manusia melalui al-Quran tentang pelbagai permasalahan supaya manusia tidak tergelincir dari jalan kebenaran. Namun begitu manusia sering berdebat, berbantah serta mempertikaikan tentang kebenaran dengan cara yang batil melainkan golongan yang diberi hidayah Allah SWT ke jalan yang selamat.

Dan demi sesungguhnya Kami telah huraikan dengan berbagai-bagai cara di dalam Al-Quran ini untuk umat manusia, dari segala jenis contoh bandingan dan sememangnya manusia itu, sejenis makhluk yang banyak sekali bantahannya. (Al-Quran 18:54)

Manusia merupakan makhluk yang paling banyak membantah. Ada banyak pendapat orang yang dimaksudkan di sini antaranya Al-Nadhr ibn al-Harith, Ubay ibn Khalaf. Namun al-Zajaj menjelaskan bahawa ayat ini ditujukan kepada golongan kafir yang banyak berdebat (al-Qurtubi, 2007). Manakala al-Jalalyn (t.t) juga menegaskan bahawa ayat ini merupakan satu peringatan kepada golongan kafir yang suka berdebat untuk menegakkan perkara-perkara batil.

Sesungguhnya al-Quran telah menjelaskan tentang semua perkara-perkara yang berkaitan dengan keperluan dunia dan akhirat supaya manusia dapat mengetahui jalan-jalan hidayah dan kebenaran yang pasti tidak akan menyesatkan mereka. Bahkan ayat ini jelas membuktikan bahawa manusia adalah sejenis golongan yang sangat suka berbantah dan membuat perdebatan bagi perkara-perkara kebenaran dengan kebatilan melainkan manusia yang telah diberi petunjuk dan hidayah oleh Allah SWT ke arah jalan yang selamat (Al-Zuhaili, 2003).

Sikap Gelisah dan Keluh Kesah

Al-Zuhaili (2003) mendefinisikan kalimah (هَلُوْعًا) ialah cepat sedih, gelisah dan kurang sabar. Manakala Ibn Kathir (2014) pula menjelaskan sikap keluh kesah dan kedekut. Al-Hala' bermaksud sangat kedekut dan sangat buruk serta sangat keji kegelisahannya, manakala Qatadah, Mujahid dan lain-lain berpendapat sering gelisah (al-Qurtubi, 2007).

Firman Allah dalam surah al-Ma'arij:

Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut). Apabila dia

ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah. (Al-Quran 70:19-20).

Manusia merupakan insan yang sangat cepat gelisah serta tidak sabar ketika ditimpa musibah dan tidak mensyukuri nikmat Allah SWT. Apabila diuji dengan kemiskinan, kesakitan atau sebarang penderitaan, lalu ia akan cepat berasa bimbang dan keluh kesah. Malah apabila diuji dengan kekayaan dari segi pangkat, kekuatan dan kesihatan, ia akan menjadi sangat kedekut dan bakhil. (Al-Zuhaili, 2003).

Ibn Kaysan berkata: “Allah telah menciptakan manusia mencintai sesuatu yang membahagiakan dan memuaskannya dan dia akan lari dengan sesuatu yang tidak disukai dan dibenci. Setelah itu Allah memerintahkannya untuk beribadat dengan membelanjakan apa yang ia sukai dan akan bersabar dengan apa yang ia benci. Abu Ubaydah berkata: al-Halu’ ialah orang yang mendapat kebaikan tetapi tidak bersyukur dan jika ditimpa kemudharatan, dia tidak akan bersabar (al-Qurtubi, 2007).

Malahan Sayyid Qutb (2005) juga menjelaskan kedudukan manusia yang sentiasa berkeluh kesah dalam apa jua situasi sama ada ketika dilimpahi dengan kebaikan atau dihimpit dengan keburukan. Ini adalah persepsi negatif bagi manusia yang memiliki jiwa yang tandus dengan nilai keimanan.

Sifat Bakhil

Al-Qurtubi (2007) menjelaskan bahawa sekiranya manusia memiliki segala nikmat-nikmat yang dikurniakan kepadanya, pasti dia kan menggunakan sepenuhnya untuk berbelanja untuk dirinya sendiri dan ia menjadi takut miskin kerana kekayaannya itu akan lenyap.

Firman Allah dalam surah al-Isra’:

Katakanlah (wahai Muhammad): Jika kamu memiliki perbendaharaan rahmat Tuhanku pada ketika itu tentulah kamu akan berlaku bakhil kedekut kerana takut kehabisan; dan sememangnya manusia itu bertabiat bakhil kedekut. (Al-Quran 17:100)

Ibnu ‘Abbas dan Qatadah mendefinisikan *qatura* iaitu sangat bakhil. Sehubungan itu, manusia menjadi bakhil kerana takut hartanya akan lenyap sedangkan ia tidak akan pernah habis selamanya (Ibn Kathir, 2014).

Sifat Putus Asa

Kalimah Fa Ya’us bermaksud putus asa dari ruh Allah SWT atau pengabulan doa dan kalimah qanut iaitu putus harapan daripada rahmat Allah SWT atau bersangka buruk terhadap Allah (al-Qurtubi, 2007). Ayat di bawah ini diturunkan kepada golongan kafir. Ada sesetengah pendapat mengatakan ayat ini diturunkan kepada al-Walid al-Mughirah dan ada yang berpendapat kepada Utbah dan Syaibah (al-Zuhaili, 2003, al-Qurtubi, 2007) dan kebanyakan kaum muslim yang hanya memiliki sifat meminta kebaikan sahaja (Al-Zuhaili, 2003)

Manusia tidak jemu-jemu memohon kebaikan dan kalau dia ditimpa kesusahan maka menjadilah dia seorang yang sangat berputus asa, lagi sangat nyata kesan putus harapnya (dari rahmat pertolongan Allah). (49) Dan demi sesungguhnya! Jika Kami beri dia merasai sesuatu rahmat dari Kami sesudah dia ditimpa sesuatu kesusahan, berkatalah dia (dengan sikap tidak bersyukur): Ini ialah hakku (hasil usahaku semata-mata) dan aku tidak fikir bahawa hari kiamat akan berlaku dan kalaulah aku dikembalikan kepada Tuhanku (sekalipun), sudah tentu aku akan beroleh kebaikan di sisiNya (seperti kesenanganku sekarang ini)! Maka demi sesungguhnya! Kami akan memberi tahu kepada orang-orang yang kufur ingkar itu akan keburukan apa yang mereka telah kerjakan dan Kami akan beri mereka merasai azab seksa yang seberat-beratnya. (Al-Quran 41:49)

Kebaikan di dini membawa maksud harta, kesehatan, kekuasaan dan kemuliaan (al-Qurtubi, 2007). Kecenderungan manusia hanya suka meminta kepada perkara-perkara kebaikan seperti harta, kesihatan, kekuasaan dan sebagainya, tetapi apabila ia diuji dengan musibah, kesusahan, kemiskinan atau kesakitan, lalu dia akan berasa putus asa daripada rahmat Allah SWT sehingga menyangka ia adalah seorang yang malang dan sentiasa ditimpa musibah yang berterusan tanpa merasai sedikit pun kebaikan kelak (Al-Zuhaili, 2003). Manakala Ibnu Kathir (2014) juga menyebut bahawa ketika manusia tidak pernah jemu memohon kebaikan dari Allah SWT.

Justeru ayat ini menjelaskan kepada kita tabiat buruk manusia yang suka berputus asa dengan rahmat Allah. Secara tidak langsung menggambarkan nilai keimanan dalam dirinya.

Kesimpulan

Al-Quran sebagai kitab panduan yang memberi khabar gembira serta peringatan kepada umat Islam. Hasil dapatan berdasarkan beberapa potongan ayat-ayat al-Quran menunjukkan beberapa kriteria keperibadian negatif yang dimiliki oleh manusia antaranya sifat dhaif, sifat zalim, terburu-buru, suka berbanyah, gelisah serta keluh kesah, bakhil dan putus asa.

Manakala Allah SWT juga telah menciptakan manusia sebagai sebaik-baik kejadian dengan dianugerahkan akal fikiran. Manusia juga dibekali dengan hakikat kewujudan zat uluhiyyah dalam diri manusia seperti sifat penyayang, pemurah, pemaaf dan lain-lain. Namun manusia boleh jatuh kepada darjat Binatang sekiranya dia bertuhankan hawa nafsu (Abd Hamid al-Arabi, 1994).

Begitu juga dengan sifat rububiyah seperti ilmu, kekuasaan, kekuatan dan sebagainya adalah ciri-ciri ketuhanan. Apabila kesan tersebut wujud dalam diri manusia, maka dia akan terpesona dengannya sehingga melupakan hakikat dirinya, lantas rasa bongkah dan angkuh sehingga menyamai sifat ketuhanan. Walau bagaimanapun, manusia tidak memiliki sifat-sifat tersebut, hanya bauangan dan kesan limpanya, bahkan persamaannya hanyalah dari segi penggunaan lafaz dan bahasa sahaja (al-Buti, 1996)

Justeru, betapa hebat kekuasaan dan keagungan Allah SWT sebagai *al-Khaliq* yang layak disembah di mana kita sebahai hambaNya wajib beriman dan taat kepadaNya. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Zariyat:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. (Al-Quran 51:56)

Manusia diciptakan Allah SWT untuk beribadat kepada Allah SWT semata-mata. Maka dengan hikmahNya yang sempurna, Allah SWT telah memilih manusia dalam kalangan pelbagai jenis kejadian yang wujud di alam semesta ini dengan melantik manusia sebagai ketua atau penghulu untuk mengurus atau mentadbirkan alam ini (al-Buti, 1996).

Sehubungan itu, dapatlah difahami bahawa manusia dikurniakan dengan sifat, naluri, akal fikiran serta kebolehan yang boleh membawa kepada kesejahteraan atau kerosakan. Lantaran itu, manusia diberi amanah dan tanggungjawab seiring dengan kurniaan anugerah akal fikiran supaya dapat memandu ke jalan akidah yang benar, di samping dapat mengekang tabiat-tabiat buruk. Bahkan pengutusan Rasulullah SAW sebagai penyebarkan wahyu Allah menjadi satu medium panduan dan peringatan agar manusia tidak terjerumus dengan jurang kelalaian dan terpesona dengan bisikan syaitan serta hawa nasu sehingga menghumban manusia ke Lembah ke kafiran dan kezaliman.

Ini membuktikan manusia sangat berhajat kepada akidah yang benar dan hakiki supaya mampu menjalankan amanah Allah SWT mengikut landasan yang betul Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-An'am:

Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu baginya dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan dan aku (di antara seluruh umatku) adalah orang Islam yang awal pertama (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintahNya). (Al-Quran 6:162-163)

Dengan penghayatan akidah dan iman yang benar akan mendorong manusia melakukan sesuatu mengikut batas kehambaannya dan akan bertukar menjadi satu wasilah yang teragung kepada kebaikan dan kebahagiaan sesama masyarakat lalu terbentuklah ikatan ukhwa persaudaraan di hadapan pengabdian sepenuhnya mereka kepada Allah SWT (Al-Buti, 1996).

Al-Ghazali (1986) telah mendefinisikan Islam ialah agama hidup dan kehidupan. Oleh itu Islam telah mengatur kehidupan manusia sama ada hubungan antara manusia dan hubungannya dengan Allah SWT. Bahkan Rasulullah SAW juga telah menggariskan dalam misi risalah yang diperintahkan kepadanya untuk menyempurnakan akhlak yang baik sebagaimana surah al-al-Qalam:

Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia. (Al-Quran 68:4)

Manakala dalam firman Allah lagi dalam surah al-Ahzab:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang). (Al-Quran 33:31)

Tuntutan mengamalkan akhlak yang baik ini dituntut dalam Islam sebagaimana sabda Rasulullah SAW bahawa:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْرُكُمْ أَحْسَنُكُمْ أَخْلَاقًا

Daripada Abdullah bin Amr ia berkata; Rasulullah SAW bersabda: “Sebaik-baik orang di antara kalian adalah orang yang paling baik akhlaknya di antara kalian.” (Sahih al-Bukhari, *Kitab al-Adab, Bab Husn al-Khalq wa al-Sakha' wa ma Yukrah min al-Bukh*, no. hadith 6035.)

Malahan al-Qardhawi (1986) telah menjelaskan bahawa seseorang itu tidak boleh mengambil aspek akidah dan keimanan sahaja dengan mengabaikan aspek ibadat dan akhlak. Maka tiada iman tanpa amal dan tiada amal tanpa iman. Lantaran itu, seiring dengan keberadaan iman dan amal akan memandu ke jalan yang lurus kerana iman dan amal yang diaplikasikan secara harmoni akan terealisasi hidayah yang dibawa oleh al-Quran (Sayyid Qutb, 2005).

Penghargaan

Kajian ini dijalankan di bawah pembiayaan geran industri dengan kod USIM/ALHIJRAH/FPQS/LUAR-S/43423

Rujukan

Al-Quran

Al-A'rabi, 'Abd Hamid. (1994). “Al-Kaun wa al al-Ardh wa al-Insan fi al-Quran al-‘Azim”. Cet. 1. Beirut: Dar al-Kahyr.

Al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali Ibn Hajar. (2000). Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari, j.10, al-Riyad: Dar al-Salam

Al-Baqi, Muhammad Fuad 'Abd. (1987). “Mu'jam al-Mufahras li al-Faz al-Quran al-Karim”. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Basmeih, Abdullah. (1994). “Tafsir Pimpinan ar-Rahman”. Kuala Lumpur: JAKIM.

Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. (2002). “Sahih al-Bukhari”. *Kitab al-Adab, Bab Husn al-Khalq wa al-Sakha' wa ma Yukrah min al-Bukh*, no. hadith 6035. Beirut: Dar Ibn Kathir.

Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. (2002). “Sahih al-Bukhari”. *Kitab al-Aṭ'imah, Bab Mā Yaquḥ Izā Faraqa Min Ṭa'āmihi*. No. Hadith 5459. Beirut: Dar Ibn Kathir.

Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadhan. (2003). “Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyat Wujud al-Khalik wa Wazifah a-Makhlūq”. Damsyik: Darul Fikr .

Al-Mahalli & al-Suyuti, Jalal al-Din. (t.t). “Tafsir Jalalayn”. Beirut: Dar al-Ma’rifah.

Al-Qaradhawi. Yusuf. (1986). “Al-Madkhal li Ma’rifah al-Islam”. T.p

Al-Qurtubi. Abi Abd al-Rahman Muhammad ibn Ahmad al-Anshari. (2007). “Al-Jami’ li Ahkam al-Quran”. Al-Kaherah: Dar al-Hadith.

Al-Zuhaili. Wahbah. (2003). “Al-Tafsir al-Munir fi al-‘Aqidah wa al-Syari’ah wa-al-Manhaj”. Damsyik: Dar al-Fikr.

Ibn Kathir. Al-Hafiz ‘Imad al-Din Abi al-Fida’ Isma’il ibn Kathir al-Qurasyi al-Dimasyqi. (2014). “Tafsir al-Quran al-Azim”. Al-Mansourah: Mu’assasah Syuruq dan Dar al-Badr.

Ibn Qayyim al-Jauziyyah. (2003). “Al-Ruh”. Cet.1. Beirut: Dar al-Ma’rifah.

Ibnu Mandzhur, (1988). “Lisan al-‘Arab”. Beirut: Dar al-Ihya al-Turats al-Arabi.

Muh.Anis. (2008). “Manusia Dalam Perspektif Al-Qur’an (Kajian Kependidikan)”. Jurnal Kependidikan Islam, Vol. 3, No. 2, Juli-Dec 2008, 69-85.

Muhammad al-Ghazali. (1986). “Khuluq al-Muslim”. Al-Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath.

Noresah Baharom. (2005). “Kamus Dewan Edisi Keempat”. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Sayyid Qutb. (2005). “Fi Zhilal al-Quran”. Al-Kaherah: Dar al-Syuruq.

Tilai, Syeikh Ibrahim bin Muhammad. (2011). “Taysir al-Tafsir”. Al-Jaza’ir: Dar al-Tawfiqiyyah.